

30/03/2002

Pemuda bertindak tegas tangani provokasi

Azman Mahmood

PASIR MAS, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno akan bertindak tegas jika mendapati parti pembangkang membuat provokasi melampau sehingga boleh menimbulkan ketegangan.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata langkah yang diambil bergantung kepada bentuk provokasi.

Katanya, Pemuda Umno dan Pemuda Tahan Lasak sedia menghadapi kemungkinan provokasi hingga menimbulkan ketegangan jika dicetuskan pihak tidak bertanggungjawab.

"Begitu juga Pas. Pemuda tidak takut menghadapi provokasi mereka kerana kita tahu cara parti itu sering membuat provokasi.

"Itu biasalah... Pergerakan Pemuda Umno tidak teragak-agak bertindak jika mereka (Pas) cuba membuat provokasi sesuai dengan cara mereka lakukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Rantau Panjang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tiang Chandi dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas langkah Pemuda Tahan Lasak berdepan dengan Pas. Turut hadir Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Rujhan Salleh dan Ketua Pemuda Umno bahagian itu, Datuk Saari Mat Hussin.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda Tahan Lasak Umno bertujuan menggerakkan kerja amal yang boleh membantu menaikkan imej parti dan kerajaan.

Sebagai contoh, katanya, barisan Pemuda Tahan Lasak Umno ke Afghanistan baru-baru ini untuk membantu rakyat negara itu yang menderita berikutan serangan Amerika Syarikat.

Katanya, usaha membantu rakyat negara itu yang juga umat Islam itu adalah jihad yang perlu diteruskan.

"Kalau betul mahu berjihad, inilah caranya... bukan seperti sesetengah golongan dan parti meraih simpati dan menunjukkan keganasan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin berkata, sekarang bukan masa untuk Umno melayani masalah dalaman parti.

Sebaliknya, beliau menegaskan semua pihak perlu bersatu dalam satu pasukan dan bekerja untuk menghadapi pilihan raya.

Katanya, beliau yakin seluruh pemimpin Umno di Kelantan sentiasa berkerja keras untuk memastikan kemenangan pada pilihan raya dan kedudukan Umno terus kukuh.

"Oleh itu, tidak sepatutnya timbul desakan supaya Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri (Datuk Mustapa Mohamed) meletak jawatan.

"Yang penting semua pihak akur dan menghormati Pengerusi Perhubungan yang dilantik Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

"Pemuda berharap Umno termasuk di Kelantan bekerja keras untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang, terutama dalam melaksanakan agenda Umno menawan semula Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar New Straits Times (NST) hari ini, berhubung dakwaan wujud pakatan di kalangan pemimpin Umno untuk menggulingkan Mustapa di Kelantan.

(END)